

**SULIT**

1103/2

1103/2  
Bahasa  
Melayu  
Kertas 2  
Mei  
2007  
2 ½ jam

JABATAN PELAJARAN PULAU PINANG

---

UJIAN PENGESANAN TAHAP PENCAPAIAN

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2007  
(TINGKATAN 5)

---

---

BAHASA MELAYU

KERTAS 2

Dua jam tiga puluh minit

---

---

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI

SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
  2. *Jawab semua soalan.*
  3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), dan Soalan 2(d) berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan 5.*
  4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
- 

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak

**Soalan 1: Rumusan**

[30 markah]

*Baca petikan berikut dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang tujuan kerajaan melaksanakan kempen bercucuk tanam dan halangan-halangan yang dihadapi oleh masyarakat untuk melaksanakan seruan kempen tersebut. Panjang rumusan anda hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.*

Pengumuman kerajaan untuk menghidupkan semula Program Buku Hijau merupakan satu agenda penting dan instrumen bagi membolehkan masyarakat setempat mengeluarkan makanan sendiri memang disambut baik oleh semua pihak. Jika diimbangi kali terakhir kerajaan melaksanakan Kempen Buku Hijau adalah semasa krisis ekonomi pada tahun 1997. Kempen ini *bukanlah satu tindakan ke belakang*, tetapi dianggap amat relevan dan tepat pada masanya ketika negara berhadapan dengan kenaikan harga minyak yang cukup dirasakan oleh rakyat di seluruh negara, terutama oleh golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana.

Masyarakat seharusnya sedar akan kos bekalan makanan yang semakin meningkat akibat kenaikan harga minyak dunia. Sehubungan dengan itu, orang ramai perlu membuat perubahan cara berbelanja dengan beralih kepada bercucuk tanam demi membantu mereka mengurangkan perbelanjaan harian tanpa perlu membeli sayur-sayuran dan buah-buahan. Kita sedia maklum bahawa berbudi kepada tanah merupakan satu usaha yang tidak sia-sia. Oleh itu, kerajaan menyeru masyarakat agar berusaha bercucuk tanam supaya hasil yang diperolehi boleh menjadi sumber pendapatan sampingan yang memberi keuntungan kepada orang ramai, malahan juga membolehkan mereka memperoleh sumber tanaman yang lebih terjamin keselamatannya. Oleh itu, rasional kerajaan menggerakkan kempen bercucuk tanam adalah juga supaya semangat untuk bercucuk tanam dapat dihidupkan kembali bukan sahaja di luar bandar tetapi juga di bandar dan di pinggir bandar yang mempunyai ruang tanah untuk dimajukan sama ada secara individu mahupun oleh komuniti.

Tegasnya, Kempen Buku Hijau Peringkat Kebangsaan 2006 yang dilancarkan oleh Perdana Menteri untuk membantu rakyat mengurangkan beban tanggungan dan kos sara hidup yang kian meningkat. Kempen yang bertemakan “Tanam, Ternak, Guna Sendiri, Jimat Cermat Bina Ekonomi” bertujuan untuk mewujudkan budaya berdikari dalam kalangan masyarakat. Melalui kempen ini, kerajaan akan dapat menjimatkan perbelanjaan membeli dan mengimport sayur-sayuran sebanyak RM720 juta setahun jika kempen itu mendapat penyertaan 500 ribu orang peserta daripada 25 juta orang rakyat Malaysia. Usaha ini juga akan dapat membantu kerajaan untuk memanfaatkan kawasan tanah terbiar yang berjuta-juta hektar di negara ini menjadi kawasan pertanian yang produktif.

Sebenarnya, keputusan untuk menghidupkan Rancangan Buku Hijau yang telah diumumkan oleh kerajaan pada 19 Oktober 2005 disertai pelbagai bentuk sokongan dan bantuan pertanian yang dihulurkan oleh kerajaan kepada pengusaha projek pertanian terutama kepada mereka yang berhasrat untuk melaksanakannya secara komersial. Khidmat bantuan dari segi kepakaran pengendalian projek tanaman dan ternakan disediakan. Malahan, kerajaan melalui badan-badan pertaniannya sentiasa bersedia memberi bimbingan teknikal kepada para petani. Pada peringkat awal, bantuan benih dan baja akan turut diagih-agihkan kepada petani melalui FAMA dan jabatan-jabatan pertanian yang ada. Kita mahu masyarakat sedar bahawa kerajaan sedang berusaha untuk mengurangkan kebergantungan negara kepada import produk pertanian

dari luar negara yang bernilai RM 12 bilion setahun. Namun, kejayaan gagasan Kempen Buku Hijau ini memerlukan komitmen semua pihak terutama daripada kalangan rakyat yang merupakan ejen pelaksana utama kempen tersebut.

( Dipetik dan diubahsuaikan daripada rencana *Menghidupkan Semula Kempen Buku Hijau* oleh Haji Samat Buang dalam Dewan Siswa, Jun 2006. )

## **Soalan 2 : Pemahaman**

[ 35 markah ]

### **Soalan 2 (a) Petikan Umum**

Berdasarkan petikan **Soalan 1** di atas, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Apakah yang dimaksudkan dengan *bukanlah satu tindakan ke belakang* seperti yang terdapat dalam petikan di atas?  
[2 markah]
- (ii) Nyatakan usaha-usaha yang dijalankan oleh kerajaan untuk memastikan agar kempen bercucuk tanam yang dilancarkan dapat mencapai matlamatnya.  
[3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah faktor-faktor yang membolehkan Malaysia menjadi sebuah negara pertanian yang maju?  
[4 markah]

**Soalan 2(b) Petikan Cerpen**

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Aku terkesima. *Powerbook* yang memiliki kelebihan pemproses 68 030 yang beroperasi pada kelajuan 33 *megahertz* itu merupakan keluaran terkini syarikat usaha sama ma, *MZ Interscience Co.* Aku hanya mampu menggeleng beberapa kali dengan pemberian termahal itu.

“Komputer *Powerbook 165c* ini mempunyai reputasi sebagai komputer yang jauh lebih bertenaga daripada kebanyakan komputer *desktop* utama di pasaran. Zel tahu *Powerbook* ini boleh menampung sehingga 14 *megabyte RAM* untuk Zel bekerja dengan pelbagai penggunaan pada satu masa,” terang mama yang sedang sibuk menilik-nilik katalog yang terlampir. Dalam usianya mencecah 45 tahun, aku sesungguhnya bangga mempunyai seorang mama yang berkebolehan dalam bidang komputer. Mama bukan sekadar menjadi pengedar peralatan komputer tetapi bijak tentang apa sahaja dalam dunia komputer.

“Mama kau tu *advanced*. Patutlah abah kau rasa *inferior*.” Pernah Win berbisik begitu apabila kami terserempak dengan ma di ruang legar pusat membeli-belah di bandar. Ketika itu ma sedang sibuk mengadakan pameran komputer *Powerbook* terbarunya.

“Apa maksud kau?” Aku menarik lengan Win, mengajaknya keluar dari ruang legar menerusi pintu automatik.

“Yalah, lelaki mana yang tak rasa tercabar apabila lihat wanita berjaya begitu, lebih-lebih lagi wanita itu isterinya. *Sorry Zel*, aku tak bermaksud untuk merendahkan abah kau. Tapi aku fikir reputasi abah kau sebagai guru sekolah rendah tercabar apabila melihat mama kau lebih berjaya. Huh, wanita sukses dalam bidang komputer dan perniagaan. *Wow, that’s great enough for a woman like your mum!*”

(Dipetik daripada cerpen “Virus Zel untuk Abah,” oleh Mawar Shafie dalam antologi *Kerusi*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Nyatakan keistimewaan yang dimiliki oleh mama. [3 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, mengapakah kaum wanita pada zaman ini boleh berjaya dalam perniagaan? [3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** latar masyarakat yang terdapat dalam petikan dan **dua** latar masyarakat yang terdapat dalam cerpen tersebut. [3 markah]

**Soalan 2 (c) Petikan Prosa Klasik**

*Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Setelah Hang Jebat mendengar kata Laksamana demikian, maka ia pun hairan, seraya berkata, “ Hai orang kaya Laksamana, *keranamulah maka aku berbuat pekerjaan ini!* Pada bicaraku, engkau tiada dalam dunia ini lagi. Jika aku tahu akan engkau ada lagi hidup, demi Allah dan RasulNya, tiada aku berbuat pekerjaan ini.” Maka kata Laksamana, “ Hai Si Jebat, menyesalkah engkau?” Maka kata Hang Jebat, “Hai Laksamana, sekali-kali tiada aku menyesal dan takut akan mati, tetapi aku sudah tahu akan kematianku ini pada tanganmu, di mana dapat kusalahi lagi? Tetapi tuan hamba lihatlah tikam Si Jebat derhaka ini, empat puluh hari orang Melaka membuang bangkai dalam negeri Melaka ini dan tiada menderita bau busuk bangkai. Sepala-pala jahat jangan kepalang; kuperbuat sungguh-sungguh.” Maka sahut Laksamana, “Hai Si Jebat, tersalah citamu itu! Adapun pekerjaan derhaka pada tuanmu itu beberapa dosanya kepada Allah, tiada bertanggung olehmu di dalam akhirat jemah, akan sekarang engkau hendak membunuh orang yang tiada berdosa pula berpuluh-puluh ribu itu; benarkah bicaramu?” Maka kata Hang Jebat, “Apatah dayaku? Sekalian itu dengan kehendaknya juga; tiada dengan kuasaku perbuat itu, supaya namaku masyhur pada segala negeri.”

(Dipetik daripada “Pertarungan Tuah dengan Jebat,”  
antologi *Anak Laut*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Apakah maksud rangkai kata “*keranamulah maka aku berbuat pekerjaan ini!*”  
[ 2 markah ]
- (ii) Nyatakan sebab-sebab Hang Jebat tidak berasa menyesal akan tindakannya itu.  
[ 3 markah ]
- (iii) Sekiranya anda Hang Tuah, apakah yang akan anda lakukan untuk menghentikan perbuatan Hang Jebat selain melaksanakan perintah sultan?  
[ 3 markah ]

**Soalan 2 (d) Petikan Puisi**

*Baca puisi di bawah dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**DI KOTA KECILKU**

Di sini aku pulang  
tempat bersekolah dan dibesarkan  
lewat padang Speedy  
terus ke Durian Sebatang  
semuanya kini terasa kecil  
mengimbas rindu  
dan kenangan.

Di sini anak belasan tahun  
mulai mengenal cinta dan ilmu  
pengorbanan ayah dan emak  
keakraban teman dan pergelutan  
detik itu mengambang bagai mimpi  
sewaktu kulewati kota kecilku ini.

Sesaat tiba di muka sekolah  
telah lama kutinggalkan  
kini sudah berubah  
terasa sepi  
suara guru yang memberikan markah  
pada pangkat pertama  
buat si anak desa  
*dan ayahku tak berkata bangga.*

Di sinilah anak desa  
menenal dunia  
di kota kecilnya  
padang Speedy  
dan Durian Sebatang  
meski berubah pandangan  
mengimbau rindu dan kenangan  
sayang.

Baha Zain  
Antologi *Kerusi*  
Dewan Bahasa dan Pustaka.

- (i) Apakah yang menjadi kenangan kepada penyajak sewaktu pulang ke kampung halamannya?  
[ 3 markah]
- (ii) "*dan ayahku tak berkata bangga*"  
Pada pendapat anda, mengapakah ayah penyajak bersikap demikian?  
[ 3 markah]
- (iii) Jelaskan sifat-sifat penyajak seperti yang terdapat dalam sajak di atas.  
[ 3 markah]

**Soalan 3: Pengetahuan dan kefahaman tentang tatabahasa bahasa Melayu**

[30 markah]

Jawab *semua* soalan

(a) *Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah ini supaya jelas menunjukkan bahawa anda faham akan perbezaan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan, serta menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa dan kata nama khas.*

- (i) terkial-kial
- (ii) tergil-gila
- (iii) terkinja-kinja
- (iv) termangu-mangu
- (v) tercari-cari
- (vi) tersipu-sipu

[6 markah]

(b) *Tukar ayat-ayat aktif di bawah ini kepada ayat-ayat pasif.*

- (i) Kita perlu menyediakan pelbagai kemudahan untuk menarik pelancong.
- (ii) Dia membersihkan halaman rumah pada setiap hujung bulan.
- (iii) Masyarakat perlu menggunakan komputer peribadi buatan tempatan bagi meningkatkan jualan komputer di negara sendiri.

[6 markah]

(c) *Dalam ayat-ayat di bawah terdapat dua penggunaan ejaan dan imbuhan yang salah. Kenal pasti kesalahan-kesalahan tersebut dan betulkannya dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

- (i) Pensyarah yang melakukan penyelidikan dalam bidang kepanasan suhu bumi memperoleh pelbagai maklumat, data, analisa dan kefahaman tentang aliran perubahan cuaca global.
- (ii) Bahan bacaan yang masyhur tentang perjuangan rakyat kita dahulu sejak zaman pra merdeka sehinggalah zaman perisian kemerdekaan boleh diperoleh dengan mudah di perpustakaan.
- (iii) Sayambara Puisi Patriotik penganjuran Dewan Bahasa dan Pustaka berlangsung hingga akhir bulan Ogos.

[6 markah]



(d) *Dalam ayat-ayat di bawah terdapat kesalahan penggunaan kata atau istilah atau kesalahan tatabahasa. Kenal pasti dan betulkan kesalahan-kesalahan itu dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

- (i) Setiap orang pekerja di negara ini diwajibkan menyimpan dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk kegunaan hari tua mereka.
- (ii) Encik Zainal menerima surat daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri berkenaan taksiran cukai pendapatannya yang terhimpun.
- (iii) Kata-kata aluan yang disampaikan oleh Tuan Pengetua dalam mesyuarat guru pada pagi tadi telah menyatakan semangat kepada semua guru untuk bekerja dengan lebih kuat lagi.

[6 markah]

(e) *Baca petikan di bawah dengan teliti dan kemudian kemukakan **tiga** peribahasa atau kata-kata hikmat yang menggambarkan tiga situasi berbeza yang terdapat dalam petikan ini.*

Berita-berita ngeri tentang kemalangan jalan raya yang sentiasa menghiasi kaca televisyen dan akhbar seolah-olah tidak mendatangkan sebarang kesan kepada pengguna jalan raya. Jika dikatakan kerajaan tidak bertindak terhadap masalah ini adalah tidak tepat. Hal ini demikian kerana kerajaan telah mengambil pelbagai langkah keselamatan terhadap pengguna jalan raya. Tidak ada masalah yang tidak dapat diselesaikan. Hakikatnya pengguna jalan raya sendiri perlu mencuba menyelesaikan masalah mereka semasa berada di jalan raya. Mereka perlu mempunyai disiplin seperti mematuhi had laju yang ditetapkan. Mereka perlu menghentikan perbuatan negatif seperti memandu melebihi had laju sehingga membahayakan nyawa mereka.

[6 markah]

**Soalan 4: Novel**

[15 markah ]

*Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel berikut :*

- (i) Terminal Tiga karya Othman Puteh
  - (ii) Perlumbaan Kedua karya Marwilis Hj. Yusof
  - (iii) Di Hadapan Pulau karya A. Samad Said
  - (iv) Bukit Kepong karya Ismail Johari
  - (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
  - (vi) Seteguh Karang karya Tuan Faridah Syed Abdullah
  - (vii) Julia karya Abu Hassan Morad
  - (viii) Putera Gunung Tahan karya Ishak Hj. Muhammad
- (a) Huraikan latar masa dan peristiwa yang berlaku dalam sebuah novel yang anda kaji.  
[ 7 markah ]
- (b) Berdasarkan dua buah novel yang anda kaji, jelaskan persamaan perwatakan watak utama dalam novel-novel tersebut.  
[ 8 markah ]

**KERTAS SOALAN TAMAT**